

Kejayaan Malaysia bina imej Islam

UM - 8 SEP 2002

Oleh ISMAIL DAUD

PULAU PANGKOR 7 Sept. — Kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang sederhana, dinamik dan bergerak maju seiring dengan perkembangan dunia amat penting dalam membantu memberikan imej sebenar agama tersebut kepada masyarakat dunia.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pada ketika ini isu tentang Islam sedang diperdebatkan di serata dunia, mengakibatkan pandangan dunia terhadap Islam terpecah kepada dua iaitu satu pihak melihat Islam sebagai musuh dan satu lagi sebaliknya.

Menurutnya, keadaan itu yang diburukkan dengan emosi telah mewujudkan kumpulan-kumpulan ekstremis dan seterusnya menjerus kepada berlakunya keganasan sehingga mengakibatkan imej baik dan sederhana dalam Islam tercemar.

Katanya, Malaysia turut berdepan dengan kumpulan ekstremis seperti itu tetapi kerajaan bertindak tegas dan tidak bertolak ansur dengan kumpulan yang cuba menggunakan Islam untuk mencapai cita-cita mereka



termasuk menumbangkan kerajaan sedia ada.

“Kita percaya bahawa tiada pertentangan antara orang Islam dengan pemodenan, malah orang Islam sentiasa digalakkan mencapai kecermerlangan, kemakmuran ekonomi, menambah pengetahuan dan memiliki teknologi.

“Saya juga mahu membayangkan segala rasa bimbang terhadap pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam,” katanya dalam ucapannya bertajuk ‘Malaysia: Membina Negara Berbilang Kaum yang Moden dan Stabil’ di Forum Kepimpinan Global Asia di Pangkor Laut Resort di sini hari ini.

Najib berkata, sebarang usaha menangani ekstremis dalam Islam perlu dilakukan dengan pendekatan intelektual supaya imej Islam tidak tercemar kerana imej yang rosak memerlukan masa

yang panjang untuk diperbaiki.

Selain memberikan gambaran sebenar tentang Islam kepada dunia, beliau berkata, kejayaan membangunkan Islam tanpa mengganggu gugat kebebasan mengamalkan agama yang lain adalah teras kepada kestabilan dan harmoni dalam masyarakat majmuk di negara ini.

Katanya, kejayaan itu kini menjadi tambahan kepada lima prinsip asas yang digunakan oleh pemimpin negara sejak sekian lama bagi mencapai kemajuan negara dalam negara yang berbilang kaum ini.

Selain itu, Najib berkata, satu lagi faktor kestabilan negara ini ialah kebijaksanaan pemimpin-pemimpinnya dari zaman Tunku Abdul Rahman sehingga ke zaman Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam menentukan hala tuju negara.

“Malaysia amat bertuah kerana mempunyai pemimpin yang cemerlang tepat pada masanya,” katanya.

Katanya, kejayaan paling cemerlang tentunya di zaman Dr. Mahathir yang telah berjaya memecahkan segala halangan mental rakyat Malaysia kepada membina keyakinan untuk mencapai apa sahaja.

Kejayaan cemerlang Dr. Mahathir itu katanya, akan

menyediakan asas kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi meneruskan lagi kemakmuran dan kemajuan negara.

Dalam ucapannya itu, beliau turut menggariskan lima prinsip asas yang menjadikan faktor kepada kejayaan membangunkan negara ini dengan pembahagian kekayaan negara yang adil sebagai faktor utama.

Katanya, asas yang digunakan ialah dengan memastikan kek ekonomi terus berkembang dan kekayaan dimiliki secara bersama oleh semua rakyat, bukan kumpulan kecil sahaja.

Kedua, menurut beliau, ialah penekanan kepada pendidikan supaya seiring dengan pembangunan negara dan ini jelas dapat dilihat dengan peruntukan besar yang disediakan untuk pendidikan dalam setiap kali belanjawan dibentangkan.

“Ketiga ialah dengan menekankan aspek kesederhanaan dan menolak pelampau dengan menjadikan peristiwa berdarah 13 Mei sebagai ingatan kepada seluruh rakyat,” ujarnya.

Najib menambah, dua asas terakhir ialah mengamalkan keharmonian di kalangan rakyat berbilang kaum dan formula politik yang dinamik.